

SIARAN AKHBAR

CBMR-5-RFI-25-MlmKreativiti-V1

25 September 2010

Malam Kreativiti Muzikal sempena Karnival 'Malaysia Inovatif 2010' Zon Selatan

Pertandingan & Persembahan Kreatif dan Inovasi

Batu Pahat (25 September) –Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Johor mengadakan pertandingan kreativiti muzikal sempena Karnival 'Malaysia Inovatif 2010' Zon Selatan yang diadakan dari 25-26 September 2010 di perkarangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Batu Pahat, Johor.

Johan pertandingan kreativiti muzikal pada malam ini akan berpeluang mewakili Zon Selatan untuk membuat persembahan di Bukit Jalil Kuala Lumpur sempena Festival Malaysia Inovatif yang akan berlangsung dari 24 hingga 26 November 2010, yang mana ianya merupakan kemuncak program Malaysia Inovatif sepanjang tahun dan dijangka akan dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri.

Malam Kreativiti Muzikal Zon Selatan ini diterajui oleh CyberSecurity Malaysia, sebuah agensi di bawah MOSTI. Sebagai persiapan, sesi ujibakat telah pun diadakan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, di mana 11 kumpulan terdiri dari sekolah rendah, sekolah menengah dan juga IPTA di Zon Selatan telah menyertai ujibakat tersebut. Hasil dari saringan **sewaktu sesi ujibakat**, enam kumpulan terbaik telah dipilih untuk bertanding di peringkat akhir pada **Malam Kreativiti Muzikal yang berlangsung pada jam 8.00 malam di Universiti Tun Hussein Onn**. Pertandingan seumpama ini diharapkan dapat mencungkil bakat-bakat baru dengan idea-idea yang segar dan kreatif di samping membina pasukan kerja serta mengeratkan persaudaraan antara yang terlibat.



Selain daripada persembahan daripada enam peserta akhir pertandingan kreativiti muzikal, para hadirin juga turut dihiburkan dengan dua persembahan daripada Yayasan Warisan Johor dan persembahan tarian klasik dan moden daripada pelajar UTHM. Hadiah-hadiah menarik juga disediakan untuk para penonton iaitu hadiah cabutan bertuah serta hadiah bagi yang berpakaian paling inovatif (best dress).

Malam Kreativiti Muzikal Zon Selatan ini telah dirasmikan oleh Y.B. Encik M. Asojan A/L Muniandy, Pengurus Jawatankuasa Perpaduan, Sumber Manusia, Sains, Teknologi Dan Inovasi Negeri Johor, turut hadir di majlis yang sama adalah. Y.B. Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.

“Tujuan pertandingan Malam Kreativiti Muzikal ini diadakan bukan sahaja untuk berhibur semata-mata tetapi ianya membawa kita menyelami mesej-mesej yang tersirat di dalam setiap persembahan” kata Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.

Menurut Datuk Seri Dr Maximus lagi, “malam ini merupakan satu platform untuk rakyat Negeri Johor mentafsir dan menunjukkan kreativiti mereka dalam satu lagi cabang inovasi iaitu bidang kesenian dan muzikal. Di sini, saya ingin membetulkan persepsi orang ramai dan menekankan bahawa elemen kreativiti dan inovasi tidak hanya tertakluk kepada bidang sains semata-mata, tetapi juga melibatkan bidang kesenian”

“Inovasi di bidang kesenian bukan sahaja setakat boleh menghiburkan kita, tetapi jika dibangunkan secara berdisiplin akan dapat menjana kekayaan kepada kita“ tambah beliau lagi.

Sementara itu, YB Asojan turut menyambut baik usaha murni yang diterajui oleh MOSTI. Semasa menyampaikan ucapan perasmian, YB Asojan berkata ”Kerajaan Negeri Johor menyokong usaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dalam meningkatkan lagi kesedaran dan memupuk budaya inovasi di kalangan rakyat Malaysia. Sesungguhnya, persembahan muzikal pada malam ini memberi gambaran jelas kepada keberkesanan usaha bagi menggalakkan kreativiti dan inovasi semua lapisan masyarakat terutamanya golongan muda dalam kesenian dan kebudayaan.” Beliau juga mengucapkan syabas

dan tahniah kepada para peserta yang telah berjaya melayakkan diri melangkah ke peringkat akhir pada Malam Kreativiti Muzikal kali ini.

Selain daripada Malam Kreativiti Muzikal, terdapat pelbagai aktiviti inovasi di sepanjang Karnival MI2010 Zon Selatan untuk semua lapisan masyarakat. Antaranya pameran hasil inovasi rakyat tempatan yang dihasilkan daripada kreativiti masing-masing bagi menyelesaikan masalah tertentu, pertandingan-pertandingan inovasi untuk pelbagai kumpulan umur, bengkel dan ceramah interaktif, *InnoMarket* dan program Cabaran Angkasawan yang diadakan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia ini. Turut dilaksanakan juga adalah Program Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibility - CSR) anjuran CyberSecurity Malaysia, sebuah agensi di bawah MOSTI. Program CSR tersebut adalah program Memperkasakan Kumpulan Harapan di mana akan diadakan aktiviti permotoran selepas upacara perasmian pada 26 September 2010 serta aktiviti mengecat dan membersihkan masjid di Kg. Seri Medan, Batu Pahat, Johor.

Karnival Malaysia Inovatif Zon Selatan telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari penduduk Negeri Johor. Mereka mengunjungi karnival untuk melawat gerai pameran serta menyertai aktiviti-aktiviti yang dianjurkan selama dua hari ini. Sesungguhnya karnival seumpama ini banyak memberi manfaat terutama kepada golongan remaja serta anak-anak muda yang merupakan pelapis kepada membangunkan Negara.

CyberSecurity Malaysia is the national specialist centre for cyber security, under the purview of the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI). For additional information, please visit our website at <http://www.cybersecurity.my>. For general inquiry, please email to: info@cybersecurity.my. To report cyber incidents such as harassment, fraud or intrusion to our Cyber999™ Help Centre, you may email to cyber999@cybersecurity.my. Follow us on social networks: [www.facebook.com](http://www.facebook.com/CyberSecurityMalaysia) ("CyberSecurity Malaysia" fan page) and www.twitter.com/cybersecuritymy

Issued by Corporate Branding & Media Relations Department, CyberSecurity Malaysia.

For further enquiries about this document, please feel free to call +603-89460999,

Mohd Shamil Mohd Yusoff (ext: 0895) or shamil@cybersecurity.my /

Sandra Isnaji (ext: 0867) or sandra@cybersecurity.my